



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



PERANAN GOLONGAN WANITA BERKERJAYA DALAM
PEMBANGUNAN DAKWAH DI SABAH: MENDEPANI ERA
PASCA MODENISME

*THE ROLE OF WORKING WOMEN IN DA'WAH DEVELOPMENT IN SABAH:
FACING THE POSTMODERN ERA*

Nur Faizatul Zehan Saari^{1*}, Nur Ilma Ambo², Siti Hanisah Sabri³, Salmah S.Hassan⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: faizatulzehan@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: nurilma@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: hanisahsabri@ums.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: salmahshassan@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Saari, N. F. Z., Ambo, N. I., Sabri, S. H., & Hassan, S. S. (2025). Peranan Golongan Wanita Berkerjaya Dalam Pembangunan Dakwah Di Sabah: Mendepani Era Pasca Modenisme. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 653-670.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040045

Abstrak:

Dalam menghadapi rempuhan budaya luar dalam arus evolusi sains dan teknologi hari ini, penyebaran ideologi dan fahaman yang bersifat radikal lebih pantas tersebar berikutan dari impak globalisasi dunia tanpa sempadan. Seluruh dunia termasuk negara Malaysia tidak terkecuali berhadapan dengan gelombang pengaruh dan ancaman idea pasca modenisme ke dalam jiwa dan pemikiran umat Islam. Gerakan ini membawa fahaman rasionalisme bertunjangkan kehebatan akal sebagai fundamental dalam kehidupan dan fahaman hedonisme sebagai matlamat hidup seterusnya menolak wahyu dan kebenaran. Penglibatan wanita berkerjaya khususnya di Sabah dalam pembangunan dakwah di era pasca modenisme ini sangat mendesak lebih-lebih lagi dengan kerencaman permasalahan umat semasa dan menjadi lebih signifikan berikutan situasi global hari ini yang kompleks. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk mengupas dengan lebih lanjut peranan wanita berkerjaya dalam pembangunan dakwah di Sabah mendepani cabaran dan ancaman fahaman pasca modenisme. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah utama pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian adalah melalui analisis kandungan dan pelaksanaan temu bual separa struktur. Temu bual dijalankan melalui proses rakaman dalam bentuk audio, kemudian ditranskripsikan secara verbatim dan seterusnya dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati wanita



berkerjaya merupakan di antara tonggak yang menguatkan pembangunan institusi dakwah dalam memberikan wadah aspirasi dan berupaya berinteraksi dengan kepelbagaian isu permasalahan yang timbul dalam berhadapan dengan rempuhan ideologi pasca modenisme ini. Ini membuktikan bahawa wanita berkerjaya di Sabah berpotensi untuk membawa dimensi baru dalam landskap dakwah di negeri ini. Bertitik tolak dari keupayaan mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam menyebarkan dakwah di samping tanggungjawab yang digalas menunjukkan keberkesanan dan kehebatan wanita dalam memupuk aspirasi menerajui pembentukan rohani masyarakat Islam di Sabah. Selain itu juga, menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa penglibatan mereka dalam pembangunan dakwah dengan mengguna pakai strategi pengukuhan kekuatan dari segi intelektual, spiritual, mampu mengendalikan emosi dan bijak menguruskan masa dengan efisien merupakan praktik yang berkesan dalam memastikan mesej Islam terus relevan dalam masyarakat moden. Bagi mengoptimumkan potensi ini lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran modenisasi maka, kesediaan semua pihak dalam menyokong dan membantu usaha dakwah yang berterusan adalah sangat penting dan harus diperkasakan dengan lebih holistik.

Kata Kunci:

Peranan; Wanita Berkerjaya; Dakwah; Sabah

Abstract:

The impact of globalization in a borderless world has hastened the development of radical ideas and beliefs in response to the assault of alien cultures in the contemporary evolution of science and technology. Threats and a wave of influence from postmodernist ideas seeping into Muslim minds and souls are something that the entire world, including Malaysia, must deal with. This movement rejects revelation and truth in favour of rationalism, which is based on the idea that reason is the only valid source of existence and that hedonism is the ultimate goal. Considering the variety of difficulties facing the community today, career women's involvement in the development of da'wah in this post-modern period is extremely important, particularly in Sabah. Faced with the challenges and threats of postmodernism, this study intends to investigate the role of working women in the growth of da'wah in Sabah. This study used a qualitative methodology. Semi-structured interviews and content analysis are the primary methods of data collection used to meet the study's aims. The interviews were recorded in audio format, verbatim transcribed, and then manually examined using thematic analysis techniques. The study found that career women are among the pillars that strengthen the development of da'wah institutions in providing a platform for aspirations and are capable of interacting with the various issues that arise in facing the onslaught of post-modernist ideologies. This proves that career women in Sabah have the potential to bring a new dimension to the landscape of da'wah in this state. The beginning point of their ability to overcome numerous hurdles in disseminating the message, together with the duties they hold, indicates the effectiveness and greatness of women in developing desires to lead the spiritual formation of the Islamic community in Sabah. Furthermore, this study demonstrates that their involvement in the development of da'wah through the use of strategies to strengthen intellectual and spiritual capacities, effectively managing emotions, and wisely managing time is an effective practice for ensuring that the message of Islam remains relevant in modern society. To optimize this potential, particularly in facing the challenges of modernization, the willingness of all parties to support and assist ongoing da'wah efforts is very important and should be strengthened in a more holistic manner.

Keywords:

Role; Working Women; Da'wah; Sabah

Pengenalan

Islam datang dengan memuliakan dan mengangkat martabat wanita (Norita Kamaruddin et al., 2022), memberikan hak dan perlindungan yang holistik, serta memberi galakan kepada wanita untuk terlibat dalam pelbagai aspek kehidupan sesuai dengan perspektif agama tanpa mengabaikan lunas-lunas syarak. Sebagaimana Islam datang sebagai sebuah agama yang syumul, Islam juga tidak menyekat kaum wanita untuk bekerja. Syariat tidak membatasi wanita untuk menyalurkan idea, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki selama mana dalam konteks ruang lingkup hukum syarak. Mendepani pasca perubahan kontemporari melalui pelarasan sains dan teknologi, tuntutan kepada peluang pekerjaan semakin meningkat tanpa mengira status dan jantina. Penglibatan wanita pada hari ini dalam kepimpinan tinggi di pelbagai sektor pekerjaan, terkedepan dalam strata sosial, memegang jawatan penting, memiliki budaya ilmu dan intelektual, pakar dalam pelbagai bidang adalah tidak dapat dinafikan lagi (Asmah Zakaria, 2020).

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 13 Disember 2023 menunjukkan bahawa, pencapaian wanita dalam kadar penyertaan tenaga kerja wanita meningkat sebanyak 55.8% berbanding 55.3% pada tahun 2020. Manakala dari sudut pencapaian pendidikan, wanita mendominasi lelaki di semua peringkat rendah, menengah dan tertuari. Situasi ini menunjukkan bahawa, penglibatan wanita dalam pembangunan negara semakin berpengaruh di samping menampakkan perubahan yang sangat positif (Amirul Hamdan & Mujaheed Hassan, 2018). Hal ini membuka ruang bagi wanita yang awalnya sinonim dalam bidang domestik berperanan dalam pelbagai bidang dan sektor pekerjaan tertentu tanpa mengurangi peranan dan tanggungjawab mereka dalam hal rumah tangga (Noor Rahmah, 2012).

Islam merupakan sebuah agama yang adil dengan berpandukan kepada wahyu tanpa mendiskriminasikan persoalan jantina. Dalam Islam, wanita tidak dilarang untuk bekerja bahkan pekerjaan diklasifikasikan sebagai sebuah ibadah yang bukan sahaja mendatangkan pahala malahan salah satu sumber pendapatan bagi menampung kehidupan (Shela Saleh et al., 2021). Wanita berkerjaya merupakan salah satu komponen yang penting dalam sesebuah institusi keluarga, komuniti mahupun negara. Ini adalah kerana penglibatan wanita masa kini dilihat semakin meluas dalam pembangunan sesebuah negara daripada pelbagai sektor berbanding dahulu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Medan dakwah antara salah satu sektor yang turut melibatkan wanita sebagai penyumbang utama dalam usaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat hari ini. Malah wanita turut memainkan peranan penting dalam menggerakkan dan menyampaikan dakwah yang memberi fokus kepada isu-isu berkaitan wanita dan masyarakat (Nasrudin & Abdul Hafiz, 2022).

Allah SWT sangat menekankan tentang kepentingan dan tanggungjawab berdakwah ke atas umat Islam sebagaimana firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasiq.”

(Surah Ali-Imran: 110)

Berdasarkan ayat tersebut, dapat difahami bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk mengajak kepada kebaikan yang memberi manfaat kepada umat manusia secara keseluruhan. Para ulama’ bahkan menetapkan bahawa usaha menyeru manusia kepada kebaikan adalah suatu kewajiban yang tidak boleh diabaikan.

Sejarah Islam membuktikan bahawa kaum wanita pada zaman Rasulullah SAW bergerak bebas dan berinteraksi di antara satu sama lain dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, dakwah, pertanian, perniagaan, perawatan dan sebagainya. Malah setiap wanita yang bekerja adalah untuk berkhidmat kembali kepada kaum dan juga kepada ahli keluarga mereka. Ini menggambarkan bahawa peranan dan kegiatan wanita sangat signifikan dalam melaksanakan hak dan tanggungjawab kepada masyarakat (Azyyati, Fariza & Salasiah, 2012). Realiti perkembangan dan perubahan yang berlaku menyaksikan peranan wanita tidak terbatas kepada pengurusan hal peribadi mereka sahaja (Nasrudin Hassan & Hafiz Tuah, 2022), tetapi juga turut bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah dalam keluarga, kerjaya dan masyarakat (‘Adawiyah Ismail & Salasiah Hamjah, 2012).

Seiring dengan arus kemajuan pasca modenisme ini, wanita mempunyai peranan yang besar dalam mencorakkan masyarakat madani yang bukan sahaja dibangun berteraskan pembangunan fizikal semata. Bahkan wanita juga dituntut untuk menyalurkan sumbangan melalui pengukuhan modal insan dalam melahirkan generasi *ulul azmi* yang berkelas minda pertama seiring dengan pegangan agama yang mantap. Oleh dari itu, peranan dan tanggungjawab wanita berkerjaya lebih-lebih lagi terhadap keluarga, organisasi dan masyarakat semakin bertambah. Jika dilihat dari sudut pandang yang positif, hal ini bukanlah sebagai bebanan kepada wanita berkerjaya bahkan suatu cabaran yang harus dikendalikan dengan strategi yang lebih dinamik dan rasional.

Namun apa yang berlaku pada zaman pasca modenisme ini memberi impak kepada perubahan struktur yang melibatkan seluruh aspek kehidupan masyarakat di barat tersebar pada kadar yang pantas. Ideologi yang menolak agama dan nilai serta menjadikan fahaman rasional, kebendaan, aliran hedonistik yang mementingkan keseronokan menjadi titik tolak wujudnya corak kehidupan baru yang banyak bercanggah dengan agama (MAIS, 2015). Bernuansakan

realiti semasa, perkembangan teknologi hari ini diciptakan adalah bagi memudahkan kehidupan manusia dalam memperoleh maklumat dan informasi dengan lebih cepat. Namun, tidak dapat dinafikan kemajuan yang semakin berkembang telah mempengaruhi gaya hidup umat Islam baik dari perspektif positif mahupun negatif. Oleh dari itu, pendakwah wanita harus bijak memanfaatkan dunia digitalisasi ini dan mengoptimalkannya ke arah mekanisme dakwah yang dapat memelihara kemaslahatan Islam sejagat.

Selain itu juga, apa yang berlaku pada hari ini menunjukkan bahawa peranan wanita Muslim dalam masyarakat kontemporari menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks. Walaupun penglibatan mereka dalam sektor profesional semakin ketara, realitinya masih wujud kekangan yang berpunca daripada stereotaip gender, keterbatasan masa, tekanan sosial serta pengaruh budaya pasca moden yang cenderung memisahkan agama daripada kerjaya.

Fenomena ini memberi kesan kepada kesejahteraan spiritual dan identiti wanita Muslim, terutama apabila ideologi pasca moden mengaburkan batas-batas fitrah yang telah ditetapkan oleh Islam (Fakhrul & Lilly, 2024). Lebih membimbangkan, naratif feminisme sekular yang menganggap peranan wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai ibu, pendidik dan pendakwah merupakan satu bentuk kemunduran dan penghalang kepada evolusi kemajuan yang telah mengakibatkan keraguan dalam kalangan wanita terhadap nilai peranan tradisional mereka (Jaya, 2019). Sedangkan dalam Islam, peranan ini merupakan simbol kekuatan dan kemuliaan, sebagaimana yang terbukti dalam sejarah Islam awal yang memperlihatkan bagaimana wanita dihormati dan diberikan kedudukan yang tinggi selepas mengalami penindasan pada zaman jahiliah (Nadzrah et. al, 2020).

Agama Islam pada prinsipnya bukanlah sebuah agama yang jumud bahkan menerima konsep islah dan tajdid yang tidak menolak kepada perubahan dan kemajuan sebagai respons kepada realiti. Agama ini disebarkan atas dasar hikmah berasaskan toleransi yang membawa kepada proses simbiosis di antara elemen wahyu dengan adat budaya masyarakat setempat. Sabah sebagai sebuah negeri yang penduduknya terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, adat dan budaya memerlukan kebijaksanaan pendakwah wanita untuk membuktikan bahawa Islam adalah sebuah agama yang bersifat pragmatik. Sebuah agama yang meraikan keadaan dan kondisi pemeluknya dalam konsep pelaksanaan sesuatu perkara yang diperintahkan oleh syarak ataupun sesuatu larangan dalam agama. Oleh dari itu, ketika timbul isu-isu sensitif dalam agama yang dianggap menyentuh sensitiviti keagamaan masyarakat di Sabah telah mengakibatkan kestabilan masyarakat tergugat. Keadaan ini memberi cabaran kepada masyarakat beragama di Sabah dalam mengekalkan hubungan baik antara agama (Nur Azian & Nur Farhana, 2022). Malah ia turut memberi cabaran kepada pendakwah dalam menyampaikan dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Oleh dari itu, bagi memahami konteks dan hakikat realiti ini, para pendakwah perlu menyantuni masyarakat berdasarkan kearifan tempatan melalui pendekatan hukum hakam, *uslub* dakwah dan komunikasi yang efektif di setiap aspek kehidupan masyarakat di Sabah.

Namun, dalam konteks Sabah hari ini, meskipun ramai wanita telah berjaya menempatkan diri dalam sektor profesional, namun masih terdapat keperluan terhadap sokongan strategik dan ruang partisipasi yang lebih luas bagi memperkasa mereka sebagai agen dakwah yang aktif dan mampu untuk menyebarkan dan menyuburkan dakwah di bumi Sabah ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti secara ilmiah peranan golongan wanita berkerjaya dalam pembangunan dakwah di Sabah, di samping mengenal pasti potensi sebenar mereka dalam mendepani arus pemikiran pasca modenisme yang mencabar nilai-nilai Islam yang autentik.

Sorotan Literatur

Peranan Wanita Berkerjaya Dalam Keluarga

Wanita merupakan tonggak utama dalam pembentukan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga (Norita Kamaruddin, et.al, 2022). Wanita juga merupakan anak perempuan kepada kedua ibu bapanya, isteri kepada suaminya, dan merupakan ibu kepada anak-anaknya. Kedudukan wanita sangat penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang didasari dengan tarbiah dan sistem keluarga yang unggul. Sebagai seorang ibu, wanita bertanggungjawab mengasuh anaknya, memberikan pendidikan yang benar, membentuk nilai murni dan jati diri dalam diri anak-anak agar membesar menjadi individu yang berguna.

Dalam konteks Malaysia, proses urbanisasi dan modenisasi telah memberi kesan terhadap peranan wanita dalam sektor pekerjaan. Wanita semakin diberi peluang untuk menjawat jawatan tinggi sama ada dalam sektor awam mahupun swasta (Ismail & Hamjah, 2012). Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa wanita berkerjaya memainkan peranan yang mencabar namun penting dalam pembangunan keluarga. Namun demikian, peranan wanita sebagai isteri dan ibu masih kekal sebagai tanggungjawab utama mereka. Mohamad et al. (2020) mendapati bahawa wanita berkerjaya perlu mempunyai kekuatan emosi dan fizikal yang tinggi untuk menguruskan tugas di tempat kerja dan rumah secara serentak. Dalam konteks institusi keluarga, wanita mempunyai fungsi yang penting dan secara tidak langsung, konsep keluarga Malaysia turut mengiktiraf peranan wanita sebagai salah satu tunjang keharmonian sesebuah keluarga (Salmiwati Othman et.al, 2021). Golongan ini perlu mengimbangi tuntutan kerjaya dengan tanggungjawab terhadap keluarga.

Dunia pada hari ini menjadikan peranan wanita berkerjaya terhadap keluarga menjadi fokus kepada pelbagai bidang kajian ilmiah yang dijalankan. Menurut Nurul Bahiah et al. (2019) wanita merupakan golongan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga menurut sudut pandang perspektif Islam. Manakala Haryana Rozana (2015) dalam kajiannya mendapati wanita masa kini cenderung untuk memiliki kerjaya sehingga melayakkan mereka dikategorikan sebagai pakar dalam bidang yang diceburi. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran utama yang dihadapi oleh golongan wanita berkerjaya, contohnya keseimbangan antara tanggungjawab di tempat kerja dan rumah (Ismail et al., 2022). Hal ini turut disokong oleh Mazerolle & Barrett; (2018) yang mendapati bahawa beban kerja yang berlebihan boleh mengganggu peranan wanita terhadap keluarga mereka. Berdasarkan daripada kajian ini menunjukkan bahawa wanita berkerjaya sering berhadapan dengan cabaran untuk mengimbangi tanggungjawab kerjaya dan keluarga.

Peranan Wanita Berkerjaya Dalam Organisasi

Sudah menjadi *uruf* kebiasaan dalam masyarakat bangsa bahawa tugas mencari nafkah merupakan amanah yang dipikul oleh suami. Namun seiring dengan proses urbanisasi yang berlaku, kemahiran dan kepakaran wanita semakin diperlukan dalam pelbagai bidang sektor pekerjaan yang menuntut wanita untuk bekerja di luar rumah. Seterusnya, peranan wanita berkerjaya dalam organisasi telah menjadi fokus utama sejak beberapa dekad yang lalu. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam tenaga kerja memberi impak positif terhadap prestasi organisasi (Thevanes dan Mangaleswaran, 2018). Menurut Khadijah Alavi et.al (2022), wanita berkerjaya menyumbang kepada kepelbagaian perspektif dalam pembuatan keputusan, yang seterusnya meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam organisasi. Lim dan Tan (2019) juga mendapati bahawa organisasi yang mempunyai nisbah jantina yang

seimbang dalam kepemimpinan cenderung untuk mencapai prestasi kewangan yang lebih baik berbanding organisasi yang didominasi oleh lelaki.

Walau bagaimanapun, wanita berkerjaya masih menghadapi pelbagai cabaran dalam memajukan kerjaya mereka dengan lebih baik dari sebelumnya. Stereotaip gender, diskriminasi, dan kesukaran mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga merupakan antara halangan utama yang dihadapi oleh wanita dalam organisasi (Rabiatul Adawiyah et.al, 2022). Namun begitu, Naemah et al. (2014) menunjukkan bahawa organisasi yang melaksanakan dasar mesra keluarga dan program pembangunan kepimpinan khusus untuk wanita berjaya meningkatkan kadar pengekalan dan kemajuan kerjaya wanita dalam hierarki organisasi. Oleh yang demikian, wanita berkerjaya memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kejayaan organisasi. Namun, usaha berterusan diperlukan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh wanita berkerjaya dan memaksimumkan potensi mereka dalam organisasi.

Peranan Wanita Berkerjaya Dalam Masyarakat

Peranan wanita berkerjaya terhadap masyarakat telah menjadi salah satu fokus kepelbagaian dalam kajian dalam bidang sosiologi dan pembangunan masyarakat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Rabiatul Adawiyah et al. (2022), penyertaan wanita dalam tenaga kerja telah membawa impak positif terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan keluarga. Kajian tersebut mendapati bahawa wanita berkerjaya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah, sekali gus meningkatkan taraf hidup keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Selain itu, Siti Marziah et.al, (2017) dalam kajiannya mendapati bahawa wanita berkerjaya berperanan sebagai model inspirasi kepada generasi muda, terutamanya dalam aspek pendidikan dan kerjaya. Kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan telah mendorong peningkatan penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi.

Menurut Nur Hafizah (2023), wanita yang bekerja dan berilmu dapat melahirkan masyarakat yang tinggi tahap pemikirannya dan berkualiti adab serta perilakunya. Sementara itu, Nurulbahiah Awang (2019) dalam kajiannya mendapati bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti kemasyarakatan dan kepimpinan komuniti telah meningkat seiring dengan peningkatan bilangan wanita berkerjaya. Kajian ini menunjukkan bahawa wanita berkerjaya bukan sahaja menyumbang dalam aspek ekonomi, malah turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian oleh Haryana Rozana (2015) mendedahkan cabaran yang dihadapi oleh wanita berkerjaya dalam mengimbangi tanggungjawab kerjaya dan keluarga.

Kajian ini mencadangkan keperluan untuk mewujudkan dasar mesra keluarga di tempat kerja bagi membantu wanita berkerjaya menjalankan peranan ganda mereka dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, bahawa peranan wanita berkerjaya terhadap masyarakat adalah pelbagai dan signifikan. Justeru, lebih banyak kajian diperlukan untuk memahami impak jangka panjang penglibatan wanita dalam tenaga kerja terhadap struktur sosial dan nilai masyarakat.

Metodologi

Penelitian eksploratori dilakukan menggunakan metodologi penelitian kualitatif. Reka bentuk ini dipilih bagi mencapai tahap pemahaman yang lebih terperinci dengan meneliti masalah kajian terhadap keseluruhan fenomena yang diperolehi daripada informan kajian secara intensif (Creswell, 2014). Kaedah utama pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian ini adalah melalui analisis kandungan dan pelaksanaan temu bual separa struktur. Temu bual dijalankan

melalui proses rakaman dalam bentuk audio, kemudian ditranskripsikan secara verbatim dan seterusnya dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis tematik (Erlingsson, C. & Brysiewicz, P., 2017; Nik Hazimah et al., 2021). Persampelan bertujuan digunakan untuk memilih sampel yang memiliki kepakaran, pengetahuan khusus dan pengalaman seperti yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Kemudian tema-tema yang telah dikenal pasti dikelompokkan dalam subjek-subjek kajian dan dipersembahkan dalam bentuk laporan kajian sebagai dapatan kajian. Walaupun kaedah ini dapat menyumbang data yang berguna dan tepat untuk menjawab soalan penyelidikan, hadnya adalah bahawa penemuan tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi. Sebanyak 3 responden yang turut terlibat dalam temu bual yang dijalankan. Informan terdiri daripada pensyarah universiti awam yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah, pegawai hal ehwal Islam yang bertugas di penjara wanita dan pegawai tinggi Lembaga Tabung Haji Sabah.

Jadual 1: Demografi Taburan Informan

No.	Jawatan	Kod	Pengalaman
1.	Pensyarah DM52	P1	4 Tahun
2.	Pegawai Hal Ehwal Islam (Penjara Wanita)	P2	3 Tahun
3.	Pegawai Tinggi Lembaga Tabung Haji Sabah	P3	19 Tahun

Dapatan dan Perbincangan

Penemuan kajian ini merumuskan tiga tema utama seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2:

Jadual 2: Peranan Wanita Berkerjaya

Tema	Keluarga	Organisasi	Masyarakat
Peranan Wanita Berkerjaya	Memberi penekanan terhadap pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai Islam dalam keluarga.	Mengutamakan prioriti tanpa mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.	Menyumbang melalui kepakaran dalam pelbagai bidang.
	Penglibatan anak-anak dalam aktiviti keagamaan.	Penglibatan dalam organisasi dan program dakwah.	Penglibatan dalam NGO Islam dan program masyarakat.
	Membina sistem sokongan keluarga yang kukuh.	Penganjuran program atau aktiviti keagamaan di tempat kerja.	Menggunakan kaedah dakwah yang relevan dan kontekstual.

Melalui penelitian yang dijalankan, kajian ini mendapati bahawa wanita berkerjaya memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pembangunan dakwah di Sabah berdasarkan tiga komponen utama iaitu peranan dakwah wanita berkerjaya dalam keluarga, peranan dakwah wanita berkerjaya dalam organisasi dan peranan dakwah wanita berkerjaya dalam masyarakat. Tiga komponen ini diuraikan dengan lebih lanjut seperti yang berikut:

Peranan Dakwah Wanita Berkerjaya Dalam Keluarga

Wanita merupakan golongan yang memainkan peranan penting terhadap pembentukan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga (Norita Kamaruddin et al., 2022). Dalam konteks Malaysia, proses urbanisasi dan modenisasi telah memberi kesan terhadap peranan golongan wanita dalam sektor pekerjaan. Selain daripada itu, wanita juga semakin mendapat tempat dan diberi peluang untuk menjawat jawatan tinggi tidak kira di organisasi awam atau swasta (Ismail & Hamjah, 2012).

Dalam kerangka peranan wanita bekerjaya terhadap pembangunan dakwah di Sabah dalam mendepani era pasca modenisme menimbulkan pelbagai isu dan cabaran yang tersendiri. Perlu difahami bahawa era pasca modenisme membawa cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi oleh golongan wanita bekerjaya dalam menjalankan peranan dakwah mereka. Kepesatan era ini dicirikan oleh perubahan sosial yang pesat, kemajuan teknologi, dan perubahan nilai masyarakat. Dalam hal ini, golongan wanita bekerjaya di Sabah perlu bijak mengadaptasi pendekatan dakwah mereka agar sesuai dengan tuntutan zaman, sambil tetap berpegang teguh pada prinsip-prinsip Islam. Walaubagaimanapun, tanggungjawab utama wanita sebagai isteri dan ibu masih kekal dalam pembangunan sesebuah keluarga yang berteraskan kepada nilai Islam.

Berdasarkan daripada temubual yang dijalankan, terdapat beberapa aspek penting yang perlu dibincangkan dengan lebih lanjut. Dapatan daripada ketiga-tiga informan untuk penyelidikan ini signifikan dan menyokong dalam mengembangkan lagi penemuan ini. Pertama adalah kepentingan pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai Islam dalam keluarga. Berdasarkan daripada hasil temu bual, informan 1 dan 2 memberi penekanan yang serius terhadap pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai Islam dalam keluarga. Informan menekankan perkara ini adalah penting dan perlu dipasakkan ke dalam diri setiap ahli keluarga. Ini selari dengan pandangan Nurul Bahiah et al. (2019) yang menyatakan bahawa wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga menurut perspektif Islam. Ini terbukti apabila informan 1 dan informan 2 menegaskan kepentingan pendidikan agama formal dan tidak formal bagi anak-anak dengan menyatakan;

"Saya memastikan anak terlibat dalam aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, menghadiri kelas agama, dan membaca Al-Quran." [P1]

Dalam pada itu, golongan wanita bekerjaya di Sabah mengambil pendekatan yang holistik dalam pembangunan dakwah. Mereka tidak hanya memfokuskan pada aspek ritual agama semata-mata, tetapi juga menekankan penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Ini dapat dilihat melalui usaha mereka untuk melibatkan anak-anak dalam aktiviti keagamaan, membincangkan isu-isu agama dalam konteks kehidupan harian, dan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan yang berunsurkan Islam. Ini dapat dibuktikan daripada dapatan daripada informan 2 yang berpendapat bahawa;

"Aktiviti yang biasa dilakukan berjemaah berjemaah ataupun membaca Al-Quran bersama mungkin anak yang masih kecil belajar Al-Quran dengan iqra tapi di sana walaupun anak-anak itu belum pandai baca Al-Quran dia nampak rutin ibu ayah dia baca Al-Quran dia tahu ini melibatkan agama solat melibatkan agama bawa bersama-sama pergi masjid ataupun surau itu peranan ayah dia dan peranan ibu dia untuk mendorong membawa bagi galakan kadang-kadang anak pandai malas jadi kita sebagai ibu di sana kita bantu

suami untuk membawa anak menggalakan aktiviti antara itu membaca Al-Quran solat Jemaah” [P2]

Begitu juga dengan informan 1 yang selalu melibatkan anaknya dalam aktiviti keagamaan sekalipun anaknya masih berumur 2 tahun;

“Saya memastikan anak terlibat dalam aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, menghadiri kelas agama, dan membaca Al-Quran. Selain itu, kami sering berbincang tentang nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Kami mengadakan sesi tazkirah keluarga, menonton ceramah agama bersama, dan menghadiri program keagamaan di masjid. Kadang-kadang, kami juga mengadakan sesi membaca dan mengkaji kisah-kisah nabi dan sahabat”. [P1]

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan satu aspek yang menarik adalah bagaimana wanita bekerjaya ini menggunakan platform kerjaya mereka sebagai medan dakwah. Walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit dalam dapatan informan, kita boleh mengandaikan bahawa sebagai wanita bekerjaya, mereka mempunyai peluang untuk menyebarkan nilai-nilai Islam melalui tingkah laku dan interaksi mereka di tempat kerja. Oleh yang demikian, ini boleh dilihat sebagai satu bentuk dakwah *bil hal*, iaitu dakwah melalui tingkah laku dan contoh yang baik.

Daripada perspektif yang lain, kepentingan sokongan keluarga dalam membantu wanita bekerjaya menjalankan peranan mereka adalah penting seperti yang ditekankan oleh Informan 3.

“Kadang-kadang kakak perlukan sokongan. So, Alhamdulillah kakak ada, mama bapak kakak yang selalu membantu kakak dalam menjaga anak-anak dan juga perkara lain yang berkaitan dengan keluarga”. [P3]

Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dijalankan Mohamad et al. (2020) yang menyatakan bahawa wanita berkerjaya perlu mempunyai kekuatan emosi dan fizikal yang tinggi untuk menguruskan tugas di tempat kerja dan rumah secara serentak. Pada masa yang sama informan 3 menyatakan bahawa Allah telah meletakkan orang-orang baik di sekeliling beliau sebagai sandaran dan sokongan. Maka dengan itu, walaupun tidak dinyatakan secara langsung dalam sorotan kajian lepas, ketiga-tiga informan menunjukkan kesedaran tentang peranan mereka dalam pembangunan dakwah melalui pendidikan anak-anak dan penglibatan dalam aktiviti keagamaan.

Selain itu, ketiga-tiga informan juga mengakui cabaran dalam mengimbangi tanggungjawab kerjaya dan keluarga. Ini selaras dengan penemuan Ismail et al. (2022) serta Mazerolle & Barrett (2018) yang mendapati bahawa beban kerja yang berlebihan boleh mengganggu peranan wanita terhadap keluarga mereka. Informan 3 khususnya menggambarkan cabaran ini dengan jelas, menyebutkan pelbagai tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai wanita bekerjaya. Ini menunjukkan bahawa wanita bekerjaya di Sabah perlu memiliki kemahiran pengurusan masa dan keutamaan yang tinggi. Mereka juga perlu bijak dalam mengintegrasikan peranan-peranan ini agar saling melengkapi dan bukannya bertentangan.

Lantaran itu, hasil ini menunjukkan bahawa wanita berkerjaya di Sabah menghadapi era pasca modenisme yang kompleks dan pelbagai dimensi dalam memainkan peranan penting untuk membangunkan dakwah melalui pendidikan agama anak-anak, penerapan nilai-nilai Islam dalam keluarga, dan penglibatan dalam aktiviti keagamaan masyarakat. Ia melibatkan keseimbangan antara kerjaya, keluarga, dan tanggungjawab dakwah, penggunaan teknologi secara bijak, pembangunan sistem sokongan yang kukuh, dan peningkatan ilmu pengetahuan secara berterusan. Dengan pendekatan yang holistik dan strategik, wanita berkerjaya di Sabah boleh memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan dakwah, sambil menghadapi cabaran era pasca modenisme dengan jayanya.

Peranan Dakwah Wanita Berkerjaya Dalam Organisasi

Hasil kajian berdasarkan temu bual yang dijalankan turut mendapati bahawa wanita berkerjaya perlu bijak menyusun prioriti utama bagi memastikan masa dibahagikan dengan seimbang di antara peranan wanita di tempat kerja dan tanggungjawab dakwah dalam organisasi. Wanita yang berkerjaya perlu bijak membahagi masa dalam melaksanakan tuntutan tugas kerja serta tuntutan berdakwah. Setiap kebaikan dan perkara dilakukan pada kadar yang sesuai dengan *awlawiyyatnya* tanpa mengabaikan tanggungjawab yang lebih besar. Namun, kesibukan dan tumpuan kepada berdakwah seharusnya tidak menjejaskan kewajipan lain seperti tanggungjawab kepada kerjaya dan begitu juga sebaliknya. Hal ini dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Fatimah Mujahid et.al (2023), bahawa wanita berkerjaya perlu mengaplikasikan prinsip *itqan* ketika menjalankan tugas. Prinsip yang menekankan konsep bersungguh-sungguh dan memberikan komitmen yang tinggi dalam organisasi perlu dititikberatkan agar hasil kerja yang berkualiti tinggi dapat dicapai. Oleh dari itu, informan 1 dan informan 2 menyatakan wanita berkerjaya harus berupaya mengatur masa dengan mengutamakan prioriti tanpa mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

“Cari keseimbangan antara kerjaya dan dakwah. Mulakan dengan langkah kecil seperti menyelitkan nilai-nilai Islam dalam perbualan harian atau mengajak rakan sekerja solat berjemaah.. Saya memastikan prinsip Islam diterapkan dalam setiap aspek kerja. Saya juga akan memulakan kerja saya dengan youtube. Buka video ceramah islamik dan pasang zikir yang saya minati bagi meningkatkan lagi motivasi kerja saya”. [P1]

“..ok bila dia sudah bekerjaya, mesti dia punya masa.. jadi perlu ..perlu di sini adalah mengatur masa. Mengatur masa dan em.. mengatur dan apa merancang aktiviti. Merancang apa yang dia perlu buat seharian maksudnya sampai dia tidak tertinggal kerja hakiki dengan dakwah jadi dia perlu kena bijak mengatur masa. Kena mengatur masa dan apa bijak mengurus jadual..” [P2]

Selain berdakwah secara formal, hasil kajian juga mendapati bahawa kaedah menyebarkan dakwah boleh dilakukan secara tidak langsung di tempat kerja dengan menunjukkan amalan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik.

“..kadang-kadang dakwah ni tidak semestinya dia perlu perbuatan sahaja maksudnya dari segi secara tidak langsung macam menunjukkan akhlak yang baik itu pun sebenarnya salah satu dakwah..” [P2]

“..tidak perlu macam kita terlampau fikir saya berdakwah apa hari ni padahal sebenarnya dia punya cara bercakap cara pemakaian dia itu adalah satu hikmah cara berdakwah..”[P2]

Walaupun sibuk melaksanakan tugas dalam kerjaya hakiki, namun penglibatan wanita dalam organisasi dakwah juga merupakan salah satu inisiatif dalam memperkasakan pembangunan dakwah di Sabah.

“Sebagai pensyarah, kami juga terlibat dengan CSR, kami perlu turun di perkampungan untuk menyumbangkan khidmat keagamaan. Saya juga turut menjadi ahli.” [P1] “..setakat ini saya ikut persatuan Badan Kebajikan Islam Penjara. Jadi, dia komuniti pun kecil jugalah dia tidak telampau besar.. dia.. dalam tapi dia masih dalam kompleks penjara maksudnya kelab itu program itu dia punya sasaran kepada yang tinggal berdekatan yang tinggal apa.. di perumahan penjara.. dan target kepada anak-anak staf, keluarga staf, istri maksudnya jadi peranan saya di sana sebagai setiausaha. Jadi di sana apa yang saya boleh buat untuk membantu kelab itulah.. membantu persatuan itu kalau untuk mengadakan program kita kena datang war-warkan..” [P2]

Selain itu juga, kajian ini mendapati bahawa peranan dakwah wanita berkerjaya dalam organisasi juga perlu digiatkan dan dipertingkatkan melalui pelbagai inisiatif seperti penganjuran program atau aktiviti keagamaan yang memberi manfaat di tempat kerja. Usaha dakwah ini perlu digerakkan oleh kaum wanita berkerjaya dalam pelbagai bidang sama ada sebagai seorang penjawat awam mahupun swasta, pendidik, badan berkanun serta di badan-badan bukan kerajaan (NGO). Selari dengan usaha yang dilakukan oleh Datuk Hj Siti Aminah Hj Aching selaku Ketua Wanita Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dengan mengambil langkah yang lebih efektif dalam memperkasakan gerakan dakwah di Sabah melalui inisiatif penganjuran program atau kursus kemahiran yang dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran wanita dalam pelbagai bidang (Jesselton Times, 2022).

“Saya menyokong tempat kerja saya yang mengadakan ceramah atau motivasi Islam. Persekitaran kerja saya tidak bergabung pejabat dengan rakan sekerja dan kami juga hanya berkumpul sekiranya ada mesyuarat dan perjumpaan”. [P1]

“Ada program. Program-program yang biasa dibuat setiap hari Jumaat dan tazkirah.. ada kelas agama setiap hari dan ada modul yang disediakan contohnya macam fiqh, akidah, sirah. Aa.. Ada.. ada modul apa lagi Al-Quran, sirah dan fiqh ,tauhid, akidah. Itulah ada modul yang asas memang hari-hari ada kelas .. Pagi kelas modul ada modul petang untuk kelas 3T kami panggil 3T tadarus talaqi dengan tahfiz” [P2]

“kami mengambil peluang digitalisasi tu sebagai satu ruang untuk kami berplatform. Salah satunya program secara online. Setiap hari, malam Jumaat, kami ada program Kahfi, bacaan Kahfi beramai-ramai satu Malaysia, Tabung Haji, termasuk pesara.. So, bacaan Kahfi dan kemudian ada sedikit tazkirah daripada Ustaz. Kemudian besok paginya, kita ada jemputan daripada selebriti

agama untuk memberikan kami tazkirah dan juga ceramah tentang keadaan situasi sekarang.” [P3]

Sehubungan dengan itu, peranan dakwah wanita dalam organisasi dapat dioptimumkan melalui pendekatan yang pelbagai secara fleksibel dan bersepadu. Pemerkasaan institusi dakwah berdasarkan pendekatan yang inklusif memerlukan keseimbangan di antara kerjaya dan dakwah, perancangan yang baik serta bijak mengatur pengurusan masa.

Peranan Dakwah Wanita Berkerjaya Dalam Masyarakat

Peranan wanita berkerjaya bukan hanya tertumpu kepada keluarga mahupun sesebuah organisasi, tetapi mereka turut berperanan dalam pembangunan masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui jurang antara generasi dalam kalangan masyarakat yang memerlukan kepada pendekatan dakwah yang berbeza dalam aspek yang pelbagai. Salah satunya adalah pemerkasaan pendidikan. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa wanita berkerjaya memainkan peranan utama dalam pendidikan dan penyebaran ilmu agama.

“Saya menggunakan kepakaran dalam pendidikan untuk mengadakan kelas mengaji di kawasan perumahan saya setiap malam. Kelas mengaji tersebut bukan sekadar kelas namun kami selitkan dengan pengetahuan-pengetahuan mengenai agama Islam umpama melentur buluh biarlah dari rebungunya. Saya juga menulis artikel dan buku berkaitan dakwah dan pendidikan Islam.” [P1]

Tambahan juga, seorang pendakwah perlu berusaha untuk memahami keperluan dan situasi masyarakat agar konteks dakwah yang ingin disampaikan mudah diterima oleh masyarakat. Bermula dari kelompok kecil sehingga kelompok besar.

“Saya berusaha memahami keperluan dan situasi masyarakat. Dengan itu, saya dapat menyampaikan mesej dakwah yang relevan dan sesuai dengan konteks semasa di dalam kelas kepada pelajar saya. Semasa menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, saya turut selitkan dakwah dan A.D.A.B sesuai dengan konteks UITM kepada pelajar.” [P1]

“Kita sebagai wanita berkerjaya ini menggunakan profesi kita untuk menyumbang dakwah kepada masyarakat walaupun sebagai pegawai hal ehwal Islam dalam penjara mungkin pertama menyumbang kepada masyarakat itu mungkin bermula dengan masyarakat yang kecil dulu. Masa kita dengan klien kita punya peranan dengan penghuni itu duluan.. kan lepas itu kita akan bagi bagaimana di sana kita kena bersungguh-sungguh bagi yang terbaik macam itu kan dengan kerja kita kan kerja hakiki. Macam saya sebagai pegawai hal ehwal Islam itulah kerja saya jadi saya kena cari maklumat. Saya mungkin kena cari pelbagai macam mana isu-isu semasa untuk berikan kepada mereka sebab penghuni ini dia tidak keluar.. daripada dia kan dia tidak tahu apa yang berlaku di luar jadi peranan saya cari sebanyak mana pun untuk maklumat untuk dibagi kepada..kepada mereka.” [P2]

Selain itu, dengan kepelbagaian latar belakang profesional wanita berkerjaya di Sabah turut memberi impak positif kepada pendekatan dakwah yang digunakan. Buktinya, mereka berjaya mengintegrasikan elemen-elemen dakwah dalam tugas harian mereka, sama ada sebagai pegawai Hal Ehwal Islam di penjara atau peranan mereka di institusi seperti Tabung Haji. Contohnya mengadakan serta melibatkan diri dalam program-program dakwah dan khidmat masyarakat. Ini menunjukkan bahawa kepakaran dalam pelbagai bidang boleh dimanfaatkan untuk memperkaya kaedah dan kandungan dakwah serta menjadikannya lebih relevan dan berkesan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

“Saya suka sebenarnya menceburkan diri juga. Bukan setakat di dalam tabung haji. Di tabung haji itu sendiri pun... Kita memang ada program-program CSR... Yang banyak berkomunikasi... Berkomunikasi. Berkomunikasi. Hidup bermasyarakat. Sudah tentu. Itu kami punya salah satu... Kami punya modus operandi lah. Walaupun kami punya hakiki. So, salah satunya program CSR yang kami laksanakan... Bersama dengan masyarakat setempat.” [P3]

Malah, wanita berkerjaya di Sabah turut berperanan melibatkan diri dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha melaksanakan program dakwah kepada masyarakat.

“Saya aktif dalam beberapa NGO Islam dan membantu merancang serta melaksanakan program dakwah dan kebajikan semasa saya masih di zaman universiti. Saya sering dijemput untuk memberi pengisian namun kini masa saya agak terhad bila melibatkan NGO.” [P1]

“Setakat ini saya ikut persatuan badan kebajikan Islam Penjara jadi dia komuniti pun kecil jugalah dia tidak terlalu besar. Tapi dalam masih kompleks penjara maksudnya kelab itu program itu dia punya sasaran kepada yang tinggal berdekatan yang tinggal apa di perumahan penjara dan target kepada anak-anak staf keluarga staf isteri maksudnya. Jadi peranan saya di sana sebagai setiausaha. Jadi di sana apa yang saya boleh buat untuk membantu kelab itulah membantu persatuan itu kalau untuk mengadakan program kita kena datang berbual-bual kemudian bila apa itu kemudian beritahu bagaimana bila kita tahu ada program bagaimana cara kita membantu berbual-bual suruh staf-staf yang lain ikut sekali kerjanya yang saya pernah kepada kebajikan Islam penjara.” [P2]

Penglibatan wanita berkerjaya dalam dakwah menyumbang kepada pemerkasaan wanita dalam masyarakat. Dengan menjadi suri teladan dan pemimpin dalam aktiviti dakwah, mereka membuka ruang untuk penyertaan lebih ramai wanita dalam arena ini. Ini selari dengan dapatan Nurulbahiah Awang (2019) yang menunjukkan peningkatan penglibatan wanita dalam aktiviti kemasyarakatan dan kepimpinan komuniti.

Dalam era revolusi industri hari ini, penggunaan teknologi dalam usaha dakwah adalah salah satu medium yang berkesan. Hasil temu bual yang dijalankan mendapati bahawa wanita berkerjaya di Sabah turut mempraktikkan penggunaan media sosial dan platform dalam talian untuk menyebarkan ilmu agama dan menganjurkan program-program dakwah. Hal ini menunjukkan keupayaan mereka untuk menyesuaikan kaedah dakwah dengan perkembangan teknologi semasa.

"....mungkin kita ada facebook. Facebook tu media sosial yang kita ada sana adalah tempat medium kita sebar ilmu mungkin tidak mampu banyak lah sebar- sebar mungkin yang membacanya pun kalangan sahabat-sahabat kita juga dan orang yang langsung kita tidak kenal pun ada juga yang membaca kan. " [P2]

"Salah satunya dalam Tabung Haji pun, walaupun digitalisasi ni sudah ke depan, tapi kami mengambil peluang digitalisasi tu sebagai satu ruang untuk kami berplatform. Salah satunya program secara online. Setiap hari, malam Jumaat, kami ada program kahfi, bacaan kahfi beramai-ramai satu Malaysia, Tabung Haji, termasuk pesara. So, bacaan kahfi dan kemudian ada sedikit tazkirah daripada Ustaz. Kemudian besok paginya, kita ada jemputan daripada selebriti agama untuk memberikan kami tazkirah dan juga ceramah tentang keadaan situasi sekarang. So, jadi bacaan Yassin dan kemudian ada satu sesi ceramah lah. So, itu memang tidak pernah putus. Itu setiap hari Kamis, malam Jumaat dengan hari Jumaat. Kemudian kami ada program tazkirah." [P3]

Justeru itu, peranan wanita berkerjaya dalam pembangunan dakwah di Sabah boleh dilihat dalam pelbagai aspek. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi seperti yang dinyatakan oleh Rabiatul Adawiyah et al. (2022), tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan rohani dan sosial masyarakat. Dengan sokongan yang sewajarnya dan peluang untuk terus membangunkan kemahiran mereka, wanita berkerjaya di Sabah berpotensi untuk membawa dimensi baru dalam landskap dakwah di negeri ini, sekaligus menyumbang kepada pembangunan holistik masyarakat Sabah.

Kesimpulan

Allah menciptakan wanita dengan keistimewaan yang sama dengan lelaki, tetapi dengan peranan yang berbeza sesuai dengan fitrah kehidupannya. Hasil kajian mendapati wanita berkerjaya merupakan di antara tonggak yang menguatkan pembangunan institusi dakwah dalam memberikan wadah aspirasi dan berupaya berinteraksi dengan kepelbagaian isu permasalahan yang timbul dalam menyikapi rempuhan ideologi pasca modenisme ini. Persepsi yang didominasi dengan fikiran yang tipikal dan skeptikal bahawa wanita tidak sesuai berada di medan dakwah adalah bentuk pola pemikiran yang tidak tepat. Sehubungan dengan itu, konteks dakwah yang ditonjolkan oleh para wanita perlu bersifat pragmatik dalam membahaskan pendekatan dakwah yang efisien mengikut landasan nalar epistemologi yang komprehensif. Kesimpulannya, wanita berkerjaya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dakwah di Sabah lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran pasca modenisme. Pendekatan orientasi dakwah yang dibawakan oleh mereka mempunyai kekuatan yang tersendiri dari sudut psikologi, intelek dan emosi di samping memiliki kelebihan dalam meninggalkan impak yang positif. Ini membuktikan bahawa wanita berkerjaya di Sabah berpotensi untuk membawa dimensi baru dalam landskap dakwah di negeri ini. Bertitik tolak dari keupayaan mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam menyebarkan dakwah di samping tanggungjawab yang digalas menunjukkan keberkesanan dan kehebatan wanita dalam memupuk aspirasi menerajui pembentukan rohani masyarakat Islam di Sabah. Selain itu juga, melalui kajian ini dapat dilihat bahawa penglibatan mereka dalam pembangunan dakwah dengan mengguna pakai strategi pengukuhan kekuatan dari segi intelektual, spiritual, mampu mengendalikan emosi dan bijak menguruskan masa dengan efisien merupakan praktik yang

berkesan dalam memastikan mesej Islam terus relevan dalam masyarakat moden. Bagi mengoptimumkan potensi ini lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran modenisasi maka, kesediaan semua pihak dalam menyokong dan membantu usaha dakwah yang berterusan adalah sangat penting dan harus diperkasakan dengan lebih holistik.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah atas galakan serta dorongan dalam menyiapkan penulisan ini.

Rujukan

- Abdullah, B., Laki, A. F., Yusoff, Z., & Abu Mansor, N. S. (2016). Pelaksanaan dakwah kepada masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 12(1), 59–70.
- Abdullah, N. E. A., & Abdullah, B. (2019). Peranan wanita Muslimah dalam dakwah kepada keluarga dan masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 16–27.
- Abdul Rahim, H. R. (2015). The dilemma of women with tertiary education: Factors contributing to women leaving the workforce. *Sarjana*, 30(1), 99–117.
- Ab Rahman, B., Salad, N. A. A., & Mapjabil, J. (2016). Kualiti hidup wanita luar bandar: Kajian di Sabah. *Geografia Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 12(14), 10–18.
- Abu Bakar, N. R. H. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 155–162.
- Ahmad, N., Ishak, M. H., & Al-Fijawi, M. F. A. (2020). Women's rights in the Qur'an, Sunnah and heritage of Islam. *Journal of Islam in Asia*, 17(3).
- Ahmad, S. H., & Yusuf, M. A. (2019). Pendidikan dan kesedaran awam dalam mengubah persepsi terhadap wanita dalam dakwah di Sabah. *Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial*, 10(3), 56–67.
- Aini, Z., et al. (2014). Komunikasi dakwah antara budaya dalam masyarakat majmuk di Sabah. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin, UKM, Bangi.
- Alavi, K., & Mat Basakerus, N. S. (2022). Challenges of women youth leadership based on community social work roles. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 14(1), 18–28.
- Ali, N., & Kadir, J. (2008). *Isu-isu wanita di Malaysia*. Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Aratin, N. A., & Abdul Rahman, N. F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 182–200.
- Awang, N. B., Yusoff, A., Mat Isa, A. A., Mohd Yusof, S. B., & Yusof, S. (2019). Kesedaran wanita Muslim tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya: Kajian kes di UNITEN dan UPM. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 171–187.
- Awang, R. A., & Abd Rahim, M. H. I. (2022). Cabaran-cabaran kerjaya wanita masa kini dalam sektor industri pembinaan di tapak pembinaan. *Research in Management of Technology and Business*, 3(2), 423–440.
- Basiron, B. (2022). Wanita berkerjaya dan pengurusan keluarga yang efektif. *Jurnal YADIM*, 2(2), 53–74.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.

- Erlingsson, C., & Brysiewicz, P. (2017). A hands-on guide to doing content analysis. *African Journal of Emergency Medicine*, 7(3), 93–99.
- Hamdan, M. A. R. M., & Hassan, M. M. (2018). Faktor penglibatan dan cabaran wanita Melayu dalam bidang keusahawanan di Malaysia. Dalam Fatimah Hashim Women Lead Conference 2018 (TFHWLC 2018), Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Hamjah, S. H., & Ismail, 'A. (2012). Kaedah mengatasi tekanan dalam kalangan wanita berkerjaya dari perspektif al-Ghazali. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 64–75.
- Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron, B. (2015). Model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Sains Humanika*, 4(1).
- Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron, B. (2014). Faktor sokongan individu terhadap kecemerlangan wanita berkerjaya dan berumah tangga. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*, 67.
- Hassan, N., & Mat Tuah, A. H. (2022). Peranan wanita dalam melestarikan gerakan dakwah. *Jurnal YADIM*, 2(1), 85–96.
- Hasyim, N. M., & Syed Mohamad, S. Z. (2005). Cabaran wanita berkerjaya dalam pembentukan keluarga hadhari. *Jurnal CITU*, 19–29.
- Ismail, 'A., & Hamjah, S. H. (2012). Kefahaman terhadap kedudukan wanita berkerjaya menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 3–14.
- Ismail, N. S. A., Hassan, K., & Ma'dan, M. (2022). Halangan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan wanita bekerja di sektor awam. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 169–190.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2023, Disember 13). Statistik pemerkasaan wanita dalam domain terpilih. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/32b46d37-8b84-11ed-96a6-1866daa77ef9>
- Jaafar, J. (2022, Jun 27). Wanita, belia USIA tekad perkasakan gerakan dakwah di Sabah. *Jesselton Times*. <https://jesseltontimes.com/2022/06/27/wanita-belia-usia-tekad-perkasakan-gerakan-dakwah-di-sabah/>
- Jaya, D. (2019). Gender dan feminisme: Sebuah kajian dari perspektif ajaran Islam. *Jurnal At-Tatbiq: Jurnal Ahwal Al-Syakhsyiah*, 4(1), 19–40.
- Jesselton Times. (2022, Jun 27). Wanita, belia USIA tekad perkasakan gerakan dakwah di Sabah. <https://jesseltontimes.com/2022/06/27/wanita-belia-usia-tekad-perkasakan-gerakan-dakwah-di-sabah/>
- Lazuardi, F., & Shamsu, L. S. H. (2024). Gender and feminism in an Islamic perspective. *Focus*, 5(1), 23–32.
- Kamaruddin, N., Dimon, Z., Salleh, M., & Kamariah, H. (2022). *Wanita dan peranannya menurut kacamata Islam. Dalam Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* (Siri 3). Penerbit FPPI, Selangor.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). Pasca modenisme dan kelangsungan Islam. MAIS.
- Mariam Abd Majid, Esa, M., Zainudin, N., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Cabaran sukarelawan dakwah masyarakat dalam pelaksanaan dakwah: The challenge of community dakwah volunteers in the implementation of dakwah. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 137–152.
- Marziah, S., Ijon, R., Wan Yusoff, W. S., Naw, H., Yusuff, N. A., & See, S. (2017). Kepuasan kerjaya dan sokongan sosial sebagai indikator kepuasan hidup wanita berkerjaya pertengahan usia di Kelantan. Unpublished manuscript.
- Mazerolle, S., & Barrett, J. L. (2018). Work-life balance in higher education for women: Perspectives of athletic training faculty. *Athletic Training Education Journal*, 13(3), 248–258.

- Mohamad, N. I., Ismail, A., & Nor, A. M. (2020). Pengaruh sokongan penyelia dalam perhubungan antara tekanan kerja dan konflik kerja-keluarga. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(2), 256–269.
- Mohd Nazim, A., Md. Sham, F., & Hamjah, S. H. (2012). Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 37–49.
- Mohd Noor, U. M. (n.d.). Irsyad al-Hadith Siri ke-33: Hadis penciptaan Hawa daripada tulang rusuk. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1518-irsyad-al-hadith-siri-ke-33-hadis-penciptaan-hawa>
- Mujahid, N. F., Che Rahim, N. A. M., & Kamaruzaman, A. R. (2023). Kefahaman dan persepsi wanita berkerjaya terhadap prinsip ubudiyyah, mas'uliyah dan itqan. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 217.
- Mukhtar, N. H. A. (2023, September 25). Peranan wanita dalam membentuk masyarakat berwibawa. Dewan Masyarakat. <https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2023/09/25/17936/>
- Mutalib, M. H. A. (2008). *Roses among thorns: The emergence and expansion of contemporary female da'ies in Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Queensland, Australia).
- Naqiuddin, W. A. (2019). Al-Kafi #1172: Mana yang lebih utama, tanggungjawab kepada keluarga atau keluar berdakwah bersama jemaah tabligh? Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3232-al-kafi-1172-mana-yang-lebih-utama-tanggungjawab-kepada-keluarga-atau-keluar-berdakwah-bersama-jemaah-tabligh>
- Nik Mat, N. H., Salleh, H. S., Yusof, Y., Mohamed, W. N., & Mohd Noor, N. A. (2021). *Panduan penyelidikan ilmiah: Kaedah dan penulisan*. UUM Press.
- Othman, S., Said, R., & Awis, M. L. (2021). Wanita dalam konsep keluarga Malaysia. BERNAMA.
- Puad Mohd Kari, D. N. (2017). *Strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal kematian pasangan* (Tesis kedoktoran, University of Malaya). UM Student Repository. <https://studentsrepo.um.edu.my/>
- Ramizu, N. A., & Ismail, A. (2021). Pengamalan kerohanian wanita bekerja dalam menghadapi cabaran mengurus kerjaya dan rumah tangga. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 101–113.
- Saleh, N. S., Rosli, M. S., Rahman, R., Abu Bakar, T. @ S., & Md Ali, A. (2021). The role of women in work-family balance according to the Islamic perspective: A systematic study of literature. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 2(1), 8–17.
- Thevanes, N., & Mangaleswaran, T. (2018). Relationship between work-life balance and job performance of employees. *IOSR Journal of Business and Management*, 20(5), 11–16.
- Tibek, S. R. (1998). *Pendakwah wanita: Antara kewajipan dan cabaran. Dalam Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Penerbit UKM.
- Yusoffea. (2009). *Sukses dalam karier untuk Muslimah: Panduan harian wanita berkerjaya*. PTS Millenia.
- Zakaria, N. A. (2020). Realiti dan cabaran wanita berkerjaya. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- Zakaria, S. M., Ebrahim, M. I., & Rahmat, H. (2020). Boleh tolong saya? Meneroka sokongan sosial yang diperlukan oleh wanita berkerjaya bagi meningkatkan kesejahteraan emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 17(3).